



**GARIS PANDUAN PROGRAM  
PASCA-KEDOKTORAN  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
UMT/PPBA/GP/CPK  
Pin.1 /2014**

Disediakan oleh:  
Seksyen Pembangunan Bakat Akademik  
Pusat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA)

Tarikh Kuat Kuasa :  
1 Februari 2015

## **GARIS PANDUAN PROGRAM PASCA-KEDOKTORAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

### **1.0 PENGENALAN**

Program Pasca-Kedoktoran merupakan satu kemudahan yang disediakan kepada ahli akademik berjawatan tetap dengan bertujuan menggalakkan mereka menjalankan penyelidikan dan berinteraksi dengan kumpulan penyelidik di luar negara. Kemudahan ini adalah khusus untuk ahli akademik yang **baru** memperolehi Ph.D dan menjalankan projek yang khusus dalam penyelidikan berkaitan bidang mereka.

#### **1.1 Terma Ringkas**

Universiti	-	Universiti Malaysia Terengganu
JKMA	-	Jawatankuasa Mobiliti Akademik
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
Ph.D	-	Ijazah Doktor Falsafah
Ahli akademik	-	Semua pensyarah universiti

### **2.0 OBJEKTIF**

Objektif Program Pasca-kedoktoran adalah seperti berikut:

- 2.1 Memberikan peluang kepada ahli akademik yang baru lulus Ph.D untuk membuat penyelidikan.
- 2.2 Membuka peluang untuk ahli akademik meneroka teknik-teknik baru dalam penyelidikan.
- 2.3 Menggalakkan ahli akademik membina **rangkaian penyelidikan** dengan pakar dalam bidang masing-masing.
- 2.4 Memberikan pendedahan untuk menjalankan penyelidikan dengan penyelidik di luar negara.
- 2.5 Untuk mengukuhkan dan **meluaskan** bidang penyelidikan ahli akademik.
- 2.6 Memberi peluang kepada ahli akademik menghasilkan bahan ilmiah berkualiti tinggi dalam bidang kepakaran.

### **3.0 AKTIVITI DAN PENAJAAN PROGRAM PASCA KEDOKTORAN**

- 3.1 Program Pasca Kedoktoran hanya boleh dijalankan di universiti atau institusi penyelidikan di luar negara.
- 3.2 Ahli akademik mestilah menjalankan projek berimpak yang boleh memberikan manfaat kepada universiti khususnya dan Malaysia amnya.

- 3.3 Ahli akademik digalakkan menjalankan penyelidikan atau projek di institusi tersohor di luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang kepakaran ahli akademik tersebut.
- 3.4 Ahli akademik mestilah mendapat tawaran dan penajaan sepenuhnya samada dari institusi tempat penyelidikan dijalankan atau dari **agensi lain yang ada kaitan dengan projek penyelidikan** yang akan dijalankan. Pihak universiti tidak akan memberikan sebarang penajaan berkaitan dengan Program Pasca-Kedoktoran.

#### **4.0 SYARAT DAN KELAYAKAN**

- 4.1 Ahli akademik adalah pensyarah tetap universiti, warganegara Malaysia dan mempunyai ijazah kedoktoran (Ph.D.) atau yang setaraf dengannya.
- 4.2 Program Pasca Kedoktoran boleh dimohon dalam tempoh **tiga (3)** tahun dari tarikh lantikan pertama dengan Ph.D atau tarikh kembali dari cuti belajar dan memperolehi Ph.D.

#### **5.0 TEMPOH PROGRAM PASCA-KEDOKTORAN**

Tempoh Program Pasca-Kedoktoran yang boleh diluluskan adalah bergantung kepada tempoh sesuatu projek yang akan dijalankan dan tidak melebihi dua belas (12) bulan. Ahli mestilah memenuhi syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam para 4.0.

#### **6.0 KEMUDAHAN YANG LAYAK DIPEROLEHI SEPANJANG PROGRAM**

Sepanjang mengikuti Program Pasca-Kedoktoran luar negara, ahli akademik hanya layak dibayar elaun-elaun berikut:

- a) Elaun pakaian panas jika tidak pernah menerima dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir dalam perkhidmatan pada tarikh cuti bermula.
- b) Tambang penerbangan (atau yang setara) domestik dari Kuala Terengganu ke KLIA mengikut kelayakan. (Tuntutan elaun lain seperti makan, lojing dan pengangkutan awam tidak dibenarkan).
- c) Tiada elaun-elaun lain selain daripada kemudahan (a), (b) dan bayaran daripada emolumen (gaji yang layak diterima oleh ahli akademik).
- d) Ahli akademik perlu mendapatkan penajaan dari **agensi penyelidikan lain** atau institusi tempat penyelidikan dijalankan.

#### **7.0 KAEADAH MEMOHON**

- 7.1 Permohonan hendaklah menggunakan borang ditetapkan – UMT/PPBA/CPK yang boleh diperolehi daripada Pusat Pengurusan Bakat Akademik.
- 7.2 Setiap permohonan perlu disertakan dengan kertas cadangan atau usulan aktiviti penyelidikan serta hasilan yang terperinci. Perancangan dan jadual kerja sepanjang program berkenaan, tempat atau aktiviti di mana program tersebut akan dijalankan juga perlu dinyatakan. Kertas cadangan penyelidikan yang lengkap PERLU mengandungi maklumat berikut:

- i. Pengenalan/Latar Belakang
  - ii. Justifikasi
  - iii. Cadangan aktiviti
  - iv. Jadual kerja/aktiviti sepanjang tempoh program berkaitan
  - v. Jangkaan hasil aktiviti
  - vi. Surat tawaran institusi berkenaan
- 7.3 Permohonan bolehlah dimajukan kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat Akademik (u.p: Urus Setia Jawatankuasa Mobiliti Akademik) dengan sokongan Pusat Pengajian / Institut tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum tarikh permulaan program pasca kedoktoran.
- 7.4 Permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Mobiliti Bakat Akademik (JKMA) dan ahli akan dijemput hadir untuk temuduga pada tarikh mesyuarat yang ditetapkan (jika perlu).
- 7.5 Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi oleh Pusat Pengurusan Bakat Akademik.
- 7.6 Ahli akademik dikehendaki menghubungi Urus Setia selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum tarikh memulakan Program Pasca-Kedoktoran untuk penyediaan surat tawaran dan menandatangani perjanjian perkhidmatan dengan universiti (rujuk fasa 8).

## **8.0 PERJANJIAN CUTI PASCA KEDOKTORAN**

- 8.1 Seseorang ahli akademik yang diluluskan Program Pasca Kedoktoran dikehendaki menandatangani ikatan perjanjian perkhidmatan dengan universiti.
- 8.2 Ahli akademik perlu berkhidmat selama dua puluh empat (24) bulan mulai tarikh melapor diri bertugas semula.
- 8.3 Sekiranya ahli akademik mempunyai ikatan perkhidmatan kerana melanjutkan pengajian, maka tempoh berkhidmat adalah bersambungan (setelah tamat satu tempoh perjanjian perkhidmatan, disambung dengan tempoh perjanjian perkhidmatan seterusnya). Tempoh perjanjian perkhidmatan tidak berlaku serentak.
- 8.4 Bayaran gantirugi kerana tidak mematuhi perjanjian/melanggar perjanjian adalah **tidak kurang dari** lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00).

## **9.0 LAPORAN PASCA-KEDOKTORAN**

- 9.1 Semasa dalam tempoh program berkaitan ahli akademik hendaklah melaporkan kemajuannya kepada Ketua Pusat Tanggungjawab sekurang-kurangnya sekali setiap empat (4) bulan.
- 9.2 Sepanjang menjalani Program Pasca Kedoktoran, penilaian prestasi seseorang ahli akademik adalah berdasarkan kepada laporan **pasca** kedoktoran yang disediakan.

- 9.3 Laporan lengkap Program Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat Akademik (u.p: Urus Setia Jawatankuasa Mobiliti Akademik) melalui Ketua **Pusat Tanggungjawab** dalam masa **tiga puluh (30) hari** selepas ahli kembali bertugas.

## **10.0 PERATURAN DAN TATATERTIB**

Semasa menjalani Program Pasca Kedoktoran seorang ahli akademik adalah berada dalam perkhidmatan universiti dan oleh itu sentiasa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh universiti, di antaranya:

- 10.1 Tidak boleh menjalankan apa-apa pekerjaan selain daripada yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Mobiliti Akademik.
- 10.2 Tidak dibenarkan melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk mendapatkan apa-apa keuntungan dari mana-mana punca lain daripada universiti tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor, selain daripada yang telah ditetapkan dalam kelulusan Jawatankuasa Mobiliti Akademik.
- 10.3 Tidak boleh mengikuti sebarang aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan universiti dan Kerajaan Malaysia atau aktiviti-aktiviti yang dianggap "*anti-establishment*" dan boleh mencemarkan nama baik universiti dan Kerajaan Malaysia.
- 10.4 Ahli akademik adalah masih tertakluk kepada Kaedah-kaedah Tatatertib universiti. Ahli akademik dikehendaki supaya sentiasa menunjukkan kelakuan yang bersesuaian dengan tanggungjawabnya dan tidak melakukan perbuatan yang menyalahi peraturan universitidan Kerajaan Malaysia.
- 10.5 Ahli akademik yang sedang menjalani Program Pasca Kedoktoran, sekiranya diperlukan atas kepentingan perkhidmatan, atau di atas apa-apa laporan dan maklumat yang menyebabkan pihak pengurusan universiti membuat keputusan untuk membatalkan/menamatkan tempoh program berkaitan, boleh dipanggil balik bertugas pada bila-bila masa dengan memberikan tempoh tidak kurang dari dua puluh satu hari (21) hari untuk berbuat demikian.

## **11.0 HAL-HAL LAIN**

Walau apapun syarat yang terkandung dalam garis panduan ini dan tanpa menjelaskan kepentingan UMT, jawatankuasa boleh meluluskan permohonan secara pertimbangan khas.

## **12.0 URUS SETIA**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi:

Urus Setia Program Pasca Kedoktoran  
Pusat Pengurusan Bakat Akademik  
Universiti Malaysia Terengganu  
No. Tel : 09-668 4879 / 4945



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
PUSAT PENGURUSAN BAKAT AKADEMIK**

Aras 2, Bangunan Canseleri dan Pentadbiran  
21030 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman  
Tel. : 09-668 4879/4482 Faks : 09-668 4331

**LAPORAN CUTI PASCA KEDOKTORAN**

(Diisi dan dikembalikan kepada urus setia dalam tempoh 4 minggu selepas melapor diri)

<b>A. MAKLUMAT PEGAWAI</b>			
1.	Nama Penuh		
2.	No. Kad Pengenalan		
3.	Jawatan		
4.	Pusat Pengajian		
<b>B. MAKLUMAT CUTI SABATIKAL</b>			
5.	Tarikh/Tempoh	Mula:	Tamat:
6.	Institusi / tempat		
7.	Nama Penyelia/ Penyelidik Bersama		
8.	Laporan Lengkap	Sila sediakan laporan lengkap boleh merangkumi perkara-perkara berikut: i. Tajuk dan Abstrak ii. Pengenalan iii. Kaedah Penyelidikan iv. Lain-lain (Jika ada) v. Keputusan vi. Kesimpulan vii. Aktiviti berserta tarikh/tempoh semasa cuti sabatikal sebagai lampiran	

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

C.	<p>PENGESAHAN DAN PERAKUAN TIMBALAN DEKAN (BAKAT &amp; PENYELIDIKAN) PUSAT PENGAJIAN</p> <p>Ulasan:</p> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <p>Tarikh: _____</p> <p style="text-align: right;">Tandatangan dan Cap Rasmi</p>
D.	<p>PENGESAHAN DAN PERAKUAN DEKAN PUSAT PENGAJIAN</p> <p>Ulasan:</p> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <p>Tarikh: _____</p> <p style="text-align: right;">Tandatangan dan Cap Rasmi</p>